



VTL & ORS

V.

KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI

MOF.PKCP.700-7/1/2177-2179

MOF.PKCP.700-7/1/2180-2182

MOF.PKCP.700-7/1/2183-2185

MOF.PKCP.700-7/1/2186-2188

 PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN

 PUAN MASTURA BINTI HUSSAIN

 24 JUN 2026

VTL, VJT, LLC dan CPY (“Pembayar Cukai”) merupakan rakan kongsi bagi DBT yang menjalankan perniagaan perkhidmatan kapal dan kapal tunda. DBT telah diaudit oleh

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (“KPHDN”) bagi Tahun Taksiran (“TT”) 2015 hingga 2017. Penemuan audit mendapati Pembayar Cukai telah menuntut perbelanjaan bagi *accounting management fee*, *system IT server subscription* dan *GST consulting fee* namun tidak disokong dengan dokumen yang mencukupi. Sehubungan itu, KPHDN telah menambah balik perbelanjaan tersebut ke dalam pendapatan kasar dan membangkitkan Notis Taksiran Tambahan berserta penalti bertarikh 28.07.2020 terhadap Pembayar Cukai. Pembayar Cukai tidak bersetuju dengan pendirian tersebut dan telah memfailkan rayuan melalui Borang Q bertarikh 28.08.2020.

Pembayar Cukai menghujahkan bahawa kesemua perbelanjaan yang dituntut adalah berkaitan dengan operasi perniagaan dan telah dilakukan bagi tujuan menjana pendapatan, termasuk *accounting management fee*, *system IT server subscription* dan *GST consulting fee* yang dikendalikan oleh pihak ketiga. Pembayar Cukai menegaskan bahawa bayaran tersebut adalah disokong oleh dokumen seperti invois, baucar pembayaran dan perjanjian perkhidmatan, serta merupakan perbelanjaan yang perlu dilakukan memandangkan Pembayar Cukai tidak mempunyai tenaga kerja dalaman untuk mengendalikan fungsi-fungsi tersebut. Oleh itu, Pembayar Cukai berpendapat perbelanjaan tersebut adalah dilakukan sepenuhnya dan semata-mata dalam penghasilan pendapatan kasar DBT dan seharusnya dibenarkan oleh KPHDN.

KPHDN berhujah bahawa Pembayar Cukai gagal membuktikan bahawa perbelanjaan yang dituntut merupakan perbelanjaan yang boleh dibenarkan di bawah subseksyen 33(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 (“ACP 1967”), kerana perbelanjaan tersebut bukan dilakukan “kesemuanya dan semata-mata” dalam menghasilkan pendapatan kasar DBT. Pembayar Cukai juga gagal mengemukakan dokumen sokongan yang mencukupi termasuk memperincikan tujuan serta skop perbelanjaan tersebut. Selain itu, sebahagian daripada perbelanjaan tersebut adalah berlebihan berbanding nilai pasaran, tidak berkaitan secara langsung dengan aktiviti perniagaan atau bersifat modal yang memberi manfaat jangka panjang dan tidak layak dituntut sebagai potongan. Sehubungan itu, tindakan KPHDN yang hanya membenarkan perbelanjaan yang memenuhi syarat serta mengenakan penalti di bawah subseksyen 113(2) ACP 1967 adalah wajar.

Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (“PKCP”) memutuskan bahawa kesemua Pembayar Cukai telah gagal membuktikan rayuan mereka di bawah Perenggan 13 Jadual 5 ACP 1967 dan KPHDN mempunyai asas undang-undang dan fakta untuk membangkitkan taksiran dan mengenakan penalti terhadap kesemua Pembayar Cukai di bawah subseksyen 113(2) ACP 1967. Rayuan kesemua Pembayar Cukai ditolak dan Notis Taksiran Tambahan bertarikh 28.07.2020 bagi TT 2015, 2016 dan 2017 yang berkaitan dengan rayuan ini dan penalti adalah dikekalkan.

Nota Editor:

- *Pembayar Cukai berhak untuk memfailkan rayuan ke atas keputusan PKCP dalam tempoh 21 hari dari tarikh keputusan diberikan.*